

03 APR 2002

Tajol-Umno

UMNO PERAK PASTIKAN TIADA KETUA BAHAGIAN TERIMA PROJEK KERAJAAN

IPOH, 3 April (Bernama) -- Umno Perak akan memastikan tiada ketua bahagian yang akan menerima projek besar kerajaan negeri bagi mengelakkan nama parti terjejas jika projek berkenaan gagal.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata sememangnya di Perak tidak ada ketua bahagian yang menjadi kontraktor kelas A.

Katanya beliau sememangnya berharap tiada ketua bahagian yang memohon projek besar kerajaan kerana jika projek itu terbengkalai ia akan menjejaskan nama dan kredibiliti parti.

"Jika mereka hendak jalankan perniagaan mereka boleh menjalankan perniagaan yang tidak melibatkan kerajaan. Jika nak diikutkan, masih banyak projek yang dikeluarkan oleh pihak swasta," katanya kepada pemberita selepas persidangan Dewan Undangan Negeri di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Presiden Umno yang juga Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa ketua bahagian tidak sepatutnya mengharapkan mendapat kontrak kerajaan.

Perdana Menteri Isnin lepas berkata jika mereka menjadi ketua bahagian hanya sekadar mahu mendapatkan kontrak kerajaan, mereka sepatutnya meletakkan jawatan.

Tajol Rosli yang juga Menteri Besar Perak berkata beliau bersetuju dengan kenyataan Presiden Umno itu dan beliau akan membuat pemantauan bagi mengelakkan perkara itu berlaku di Perak.

"Saya akan cuba menasihatkan ketua-ketua bahagian supaya tidak memohon sebarang projek kerajaan. Memang pada permulaan untuk melaksanakan arahan itu agak sukar, tetapi lama-kelamaan masalah itu boleh diselesaikan," katanya.

-- BERNAMA

KAY RON